



**TEKS UCAPAN**

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN  
HARI RAYA AIDILFITRI 2022**

**TARIKH: 24 APRIL 2022 (AHAD), MASA: JAM 11.30 PAGI  
BERTEMPAT DI KOMPLEKS SUKAN MASJID TANAH**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;  
Salam Sejahtera,  
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit  
Dunia dan Salam Ramadan.

Terima kasih pengacara majlis;

***(SALUTASI DISEDIAKAN DI ATAS ROSTRUM)***

## **MUKADIMAH**

1. Ahamdulillah, segala puji dan syukur saya rafakkan ke hadrat Allah SWT yang telah menganugerahi kita bulan Ramadan Al Mubarak, bulan yang penuh keberkatan dan gandaan pahala. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dan keluarga serta para sahabat Baginda yang mulia.
2. Pertamanya, bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya, kita diberi peluang serta kelapangan waktu dan sihat tubuh badan, untuk hadir bersama-sama pada Majlis Penyampaian

Sumbangan Hari Raya Aidilfitri pada tahun 2022.

3. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas kepada **YB Datuk Hajah Kalsom bt Noordin, EXCO Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan** dengan kerjasama **Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Melaka** serta **Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Alor Gajah** kerana telah berjaya mengatur dan mengelola Majlis Penyampaian Sumbangan Hari Raya Aidilfitri pada pagi ini yang melibatkan penerima dari DUN di dalam Parlimen Masjid Tanah.

4. Terima kasih juga saya ucapkan kepada dif-dif jemputan serta semua penerima sumbangan yang dapat hadir di majlis ini. Kepada semua penerima sumbangan yang diraikan, semoga dengan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, sedikit sebanyak dapat memberi peluang untuk saya beramah mesra dan berintekraksi dengan tuan-tuan dan puan-puan, seterusnya melaksanakan hasrat Kerajaan dalam menyampaikan amanah secara terus kepada rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

## **PERAYAAN AIDILFITRI NORMA BAHARU**

5. Kita telah pun berada pada fasa **10 malam terakhir** Ramadan yakni fasa yang dinantikan oleh umat Islam untuk mengejar malam **Lailatulqadar**. Saya doakan semoga kita semua berpeluang menikmati kelazatan beribadah pada malam-malam istimewa ini. Selain itu, lebih kurang seminggu lagi, insya-Allah, umat Islam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri pula yang juga merupakan bulan kegembiraan yang ditunggu-tunggu oleh kita semua.

6. Seperti mana yang diumumkan oleh **YAB Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Perdana Menteri**, bermula **1 April 2022** yang lepas, negara kita telah memasuki Fasa Peralihan ke Endemik. Dengan itu, rakyat di negara ini akan kembali kepada kehidupan yang normal.
  
7. Saya yakin, sambutan Aidilfitri pada tahun ini akan lebih meriah setelah hampir dua tahun kita tidak dapat pulang ke kampung. Sungguhpun begitu, sentiasa beringat dan berhati-hati dalam menyambut kemeriahan ini. Walaupun kita telah beralih kepada fasa Endemik, namun wabak ini masih ada dan terpulanglah kepada diri kita semua untuk membendungnya.

8. Suka saya mengingatkan kepada tuan-tuan dan puan-puan, sentiasa mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP)** dengan memakai **face mask** dan sentiasa membawa ke mana-mana sahaja **hand sanitizer** ketika menziarahi rumah sanak saudara. Saya berharap, dengan kerjasama tuan-tuan dan puan-puan semua, tidak ada kluster Aidilfitri yang timbul di Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,



## **SUMBANGAN AIDILFITRI**

9. Setiap kali tibanya musim perayaan utama, Kerajaan Negeri Melaka tidak pernah lupa untuk menghulurkan sumbangan kepada rakyat yang kurang bernasib baik. Sehubungan itu, kerajaan negeri melalui Tabung Wang Amanah Kebajikan Negeri memperuntuk sejumlah **Ringgit Malaysia Tiga Ratus Lapan Puluh Empat Ribu (RM384,000.00)** untuk diagih kepada **1,740 orang** penerima Sumbangan Bantuan Perayaan Aidilfitri bagi tahun 2022.

10. Saya dimaklumkan Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambah bilangan penerima sumbangan ini yang sebelum ini adalah seramai **1,400 penerima**. Insya-Allah, sumbangan ini akan disampaikan sebelum menjelang Hari Raya Aidilfitri yang dijangka pada **3 Mei 2022** ini. Justeru, pada pagi ini, seramai **310** orang penerima pertama dari DUN-DUN di dalam Parlimen Masjid Tanah akan menerima sumbangan ini.
  
11. Selain itu, kepada penerima bantuan **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**, untuk makluman, bantuan kewangan juga akan turut disalurkan kepada para penerima. Semoga dengan sumbangan tanda keprihatinan Kerajaan Negeri ini sedikit sebanyak

dapat meringankan bebanan tuan-tuan dan puan-puan menjelang Syawal tidak lama lagi.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

## **PENUTUP**

12. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada pihak penganjur yang terlibat, hadirin serta hadirat yang telah menjayakan program pada hari ini.

13. Semoga segala usaha kita bersama ini akan dinilai sebagai amal ibadah di sisi-Nya, beroleh keberkatan dan keredaan-Nya. Semoga kita terus diberi kekuatan untuk menjalani ibadah Ramadan kali ini dengan penuh ketakwaan dan dipertemukan dengan malam Lailatulqadar, insya-Allah.
  
14. Pada kesempatan ini, saya mewakili Kerajaan Negeri Melaka mengucapkan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin dengan harapan semoga perayaan ini akan membawa kebahagiaan kepada kita semua.

15. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan **Majlis Penyampaian Sumbangan Perayaan Aidilfitri Tahun 2022 Kerajaan Negeri Melaka.**

Sekian.

Wabilahitaufik                      Walhidayah                      Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.

